

Headline	Ramai tidak sedar bahaya HIV		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	30 Dec 2011	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	p16	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	314 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,727
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,181



Ramai tidak sedar bahaya HIV

Jumlah kematian akibat penyakit itu dilaporkan meningkat

DURIAN TAWAR - Jumlah kematian akibat penyakit HIV/Aids di negara ini menunjukkan peningkatan ketara.

Pegawai Kesihatan Daerah, Dr Wan Rosealaiza Wan Abd Ghani berkata, masyarakat di negara ini masih kurang kesedaran mengenai bahaya penyakit itu, termasuk tidak mengambil endah kaedah penyebaran penyakit itu.

Menurutnya, walaupun ada segelintir yang mengetahui HIV/Aids boleh membawa maut, tetapi ia tidak mempedulikan dan masih dengan gejala penagihan dadah atau seks bebas.

"Penyakit ini boleh berjangkit kepada sesiapa sahaja. Katakanlah, pesakit HIV/Aids terluka dan bersentuhan pada bahagian luka orang yang sihat, ada kemungkinan individu sihat itu boleh dijangkiti.

"Ramai yang kurang kesedaran mengenai perkara ini. Justeru, kita turun padang ke kawasan komuniti terutamanya di kawasan luar bandar untuk menyebarkan maklumat ini," katanya pada majlis pelancaran Hari Aids Sedunia Peringkat Daerah Bera, di tapak Pekan Sehari, dekat sini.

Hadir sama, Ketua Balai Polis Mengkarak, Sarjan

Mejar Mohd Ali Mansor; Penolong Pegawai Penerangan, Basharudin Md Yasin; Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan, Wan Lazri Wan Ismail; Pengerusi

Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Mohd Rosli Md Noh dan Pengerusi KRT Durian Tawar, Amran Silong.

-Pada program itu, sesi ce-

Headline	Ramai tidak sedar bahaya HIV		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	30 Dec 2011	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	p16	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	314 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,727
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,181

ramah turut diadakan kepada lebih 100 peserta yang hadir selain mengedarkan risalah kepada masyarakat.

Dr Wan Rosealaiza berkata, pelbagai kempen dilaksanakan supaya dapat membantu meningkatkan tahap kesedaran masyarakat.

Katanya, secara tidak langsung, melalui kempen itu juga boleh member gambaran

jelas mengenai bahaya penyakit itu kepada pesakit atau ahli keluarga terdekat.

“Kita berhasrat memastikan sekurang-kurangnya 95 peratus mereka yang berumur antara 15 hingga 24 tahun mendapat maklumat, pendidikan dan perkhidmatan yang tertentu untuk membentuk kemahiran hidup yang diperlukan bagi mengurangkan kerentanan terhadap pe-


nyakit HIV.

“Selain itu, kita juga mahu mengurangkan kadar bayi yang dijangkiti HIV sebanyak 20 peratus melalui peningkatan perkhidmatan program pencegahan transmisi dari ibu kepada anak,” katanya.

“ Kita juga mahu mengurangkan kadar bayi yang

dijangkiti HIV sebanyak 20 peratus melalui peningkatan perkhidmatan program pencegahan transmisi dari ibu kepada anak.”

Dr Wan Rosealaiza



(Dari kanan) Mohd Rosli bersama Basharudin, Wan Lazri dan Amran menyerahkan risalah kepada pengguna jalan raya mengenai bahaya HIV/Aids.